



KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER MALAYSIA ANTARABANGSA YANG KE-38 (38TH MIOMAC)

LAPORAN



**5 – 7 JUN 2026
STADIUM UPM, SERDANG**

PENDAHULUAN

Kejohanan Olahraga Master Malaysia Antarabangsa Yang Ke-38 (38th MIOMAC) telah berlangsung dengan jayanya pada :

Tarikh : 5 – 7 Jun 2026
Hari : Jumaat, Sabtu dan Ahad
Masa : 7.00 pagi – 6.30 petang
Tempat : Stadium UPM, Serdang.
Selangor, DE

PESERTA

Atlet-atlet master dari semua negeri di Malaysia dan dari luar negara yang terdiri daripada umur 35 tahun ke atas sehingga 85 tahun telah menyertai dalam acara ini

Pasukan-pasukan yang telah mengambil bahagian adalah seperti berikut:

Kedah	Pulau Pinang masters
Pahang masters	Sabah masters
Perak masters	Selangor masters
Kuala Lumpur masters	WP Putrajaya
Negeri Sembilan masters	Melaka masters
Johor masters	Kelab Olahraga JETS
PDRM (Veteran)	Lions Masters Club
PDRM	Fitma Club

Luar Negara

India	Singapura
Maldives	New Zealand
United Kingdom	Filipina
Namibia	Indonesia
China	

PENDAFTARAN

Semua peserta dan pasukan telah mendaftar dan mengutip nombor pada 4 Jun 2026 (hari Khamis), mulai jam 2.00 petang, di Stadium UPM, Serdang, Selangor DE. Semua peserta telah dibekalkan dengan ***Nombor peserta, Buku Program dan Sijil Penyertaan*** .

Taklimat kepada Pengurus Pasukan dan peserta telah diadakan pada 4 Jun 2026, jam 5.00 petang, Bilik Mesyuarat , Tingkat 1, Stadium UPM.

PERJALANAN KEJOHANAN & PENYAMPAIAN HADIAH

Semua acara telah berlangsung dengan licin mengikut jadual yang telah ditetapkan dan Upacara Penyampaian Hadiah telah berlangsung sepanjang 3 hari. Sebanyak 442 acara akhir mengikut 21 kategori umur telah dipertandingkan. Sebanyak 1300 buah hadiah pingat telah disampaikan sepanjang 3 hari pertandingan. Semua hadiah telah disampaikan selepas sahaja setiap acara tamat. Pingat dan 'lanyard' yang disediakan telah mendapat pujian daripada para atlet master.

ELEKTRONIK TIMING

Pada kali pertama Elektronik Timing untuk acara-acara trek telah digunakan. Dengan adanya elektronik timing, keputusan telah diterima dengan kadar yang segera. Dengan itu hadiah pingat dapat disampaikan selepas sahaja acara tamat. Seperti biasa acara-acara padang mengambil masa yang lama untuk selesai kerana jumlah atlet yang ramai. Walau bagaimana pun upacara penyampaian telah berlangsung tanpa sebarang masalah.

MINUMAN MINERAL UNTUK PESERTA

Semua pasukan atlet master telah dibekalkan dengan minuman mineral untuk hari pertama kejohanan.

SIJIL PENYERTAAN

Semua pasukan dan peserta individu telah mendapat Sijil Penyertaan. Sijil penyertaan ini telah diedarkan apabila peserta dan pasukan mengutip nombor peserta. Semua Pengurus Pasukan telah dibekalkan dengan Kad ID masing-masing.

UPACARA PENUTUPAN

Upacara penutupan kejohanan telah diadakan pada 7 Jun 2026, jam 6.00 petang di stadium dan penyampaian hadiah kepada pemenang dalam acara 3000m Lelaki, acara 4 x 400m Lelaki dan Wanita. Upacara Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Presiden POMM, *Encik S. Sivapragasam*, dan Timbalan Presiden *Encik Selamat bin Sarif*.

ACARA 'MEDLEY RELAY'

Acara lari berganti-ganti campuran terbuka 'Medley relay' telah menarik minat banyak pasukan. Oleh kerana acara ini terbuka dan tidak mengira umur asalkan di antara umur 35 tahun dan 84 tahun, dan gabungan atlet master lelaki dan wanita, maka acara ini telah menjadi acara kegemaran ramai atlet master.

Pelari pertama	:	200m (Wanita)
Pelari kedua	:	200m (Lelaki)
Pelari Ketiga	:	400m (Wanita)
Pelari Keempat	:	800m (Lelaki)

KEPUTUSAN RASMI

Keputusan rasmi telah diumumkan selesai sahaja setiap acara, dan telah dipamerkan untuk tuntunan semua peserta. Keputusan juga telah disiarkan secara online dalam pautan berikut:

<https://perakmasters.com.my/38miomac/index>



BEKAS ATLET KEBANGSAAN

Kejohanan ini seperti tahun-tahun yang sudah telah menarik penyertaan beberapa orang bekas atlet kebangsaan yang telah mewakili negara dalam Sukan Asia, Sukan SEA dll.

M. Ramakrishnan (M70 - 79)

Mewakili negara dalam Sukan SEA

YBhg Dato' Noorul Ariffin Abdul Mejeed (M60 – 69)

Bekas atlet kebangsaan

Nokalmah Sanasee (W50 – 59)

Mewakili negara dalam Sukan SEA

Ho Yoon Wah (M60 - 64)

Mewakili negara dalam Sukan Asia dan Sukan SEA

TETAMU-TETAMU YANG TELAH HADIR

Berikut adalah Tetamu-Tetamu yang telah hadir serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang:

Mr. Kannan Arumugam – Naib Presiden, Asia Masters Athletics (AMA)

YBhg Dato' Sarjit Singh – Presiden MARFIMA

YBhg Datuk Seri (Dr) V. Pulainthiran – Hon. Presiden AMA

Yang Hormat Dato' Seri Dr Haron Mohammed – Professional Technologist

MAJLIS PENYAMPAIAN PENGHORMATAN KEPADA PEMENANG-PEMENANG PINGAT DALAM KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER ASIA KE-23 – INDIA, 2025

Pada 6 Jun 2026, jam 3.00 petang, Majlis penyampaian penghormatan kepada pemenang-pemenang pingat dalam Kejohanan Olahraga Master Asia yang ke-23 – 2025 (23rd AMAC), India, oleh POMM telah berlangsung. Selain daripada itu Peserta-peserta Tertua dan atlet master yang menyertai kejohanan olahraga peringkat kebangsaan sebanyak 15 tahun berturut-turut juga telah diberi penghormatan dalam majlis ini.

Pemenang-pemenang pingat dalam 23rd AMAC, seramai 14 orang atlet master telah diberi trofi, pingat, kalung bunga dan 'goodie bag'. 3 orang atlet tertua (2 orang lelaki berumur 83 tahun dan seorang wanita berumur 80 tahun) telah diberi trofi, pingat dan kalung bunga. Seorang atlet master yang telah menyertai kejohanan olahraga master peringkat kebangsaan selama 15 tahun berturut-turut juga telah diberi penghormatan oleh POMM.

HADIAH CABUTAN BERTUAH

Pada kali ini POMM telah menyediakan sebanyak 25 hadiah (dalam bentuk 'goodie bag') dan 5 hadiah '*nose pin*' emas (sumbangan dari Dubai Jewellers) sebagai hadiah bertuah. Cabutan nombor bertuah telah dibuat secara rawak sepanjang 3 hari sebagai insentif tambahan kepada para peserta.

ULASAN

Pada tahun ini juga terdapat ramai atlet master baharu dalam lingkungan umur 75 – 84 yang mengambil bahagian. Atlet master dalam kategori 35 – 39 juga didapati meningkat pada tahun ini. Selepas menyertai untuk kali pertama, mereka rasa gembira dan mohon untuk menjadi ahli supaya boleh bergiat dengan lebih aktif pada masa akan datang.

Semua acara telah bermula mengikut jadual yang telah ditetapkan kecuali 2 acara padang yang telah mengambil sedikit masa tambahan untuk tamat, kerana tambahan peserta. Walau bagaimanapun semua acara telah tamat sebelum 6.30 petang seperti yang ditetapkan.

Semua atlet dan pegawai yang menyertai dalam kejohanan ini sangat puas hati dan gembira dengan penganjuran kejohanan. Mereka sangat tertarik dengan hadiah dan penyampaian hadiah, serta perjalanan semua acara mengikut masa. Kata-kata pujian daripada atlet dan pegawai-pegawai pasukan memberi semangat kepada pihak penganjur POMM dan semua pegawai teknik olahraga yang telah bertugas sepanjang 3 hari.

Beberapa performan yang dipamerkan oleh atlet-atlet master adalah sangat mengagumkan dan menunjukkan betapa serious atlet-atlet master dalam penyertaan dalam kejohanan olahraga masters.

SEMANGAT KESUKANAN

Terima kasih kepada semua Persatuan Olahraga Master Negeri, semua peserta dan pasukan yang telah menyertai dalam kejohanan ini dengan semangat kesukanan yang tinggi. Semua peserta telah menunjukkan sikap bekerjasama, perpaduan dan toleransi yang amat tinggi.

KELEBIHAN

Kejohanan ini telah memberi peluang kepada atlet-atlet master yang sangat berminat untuk bertanding dalam sesuatu kejohanan secara rasmi. Warga emas yang tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti sosial mendapati kejohanan ini memberi platform kepada mereka bersosial dan menjaga kesihatan masing-masing. Kejohanan ini juga telah menyediakan peluang kepada atlet-atlet master yang ingin menilai dan meningkatkan performan dan kecergasan mereka.

UCAPAN TERIMA KASIH

Persatuan Olahraga Master Malaysia mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan, khususnya Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dan Pejabat Pesuruhjaya Sukan atas perestuan serta bantuan untuk menganjurkan kejohanan ini dengan jayanya.

Terima kasih kepada semua persatuan olaharga master negeri, kelab-kelab, individu-individu serta semua pihak yang telah menunjukkan minat terhadap sukan olahraga masters.

S. Sivapragasam, AMW
Presiden
Persatuan Olahraga Master Malaysia
16 Jun 2026

GAMBAR-GAMBAR 38th MIOMAC



MESYUARAT PENGURUS PASUKAN



**AJK PENGELOLA DENGAN PEGAWAI PEMANTAU
DARI PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH PETALING**



PARA TETAMU YANG TELAH HADIR



AKSI ATLET MASTER





LAPOR DIRI DI 'CALL ROOM'



BERSEDIJA UNTUK ACARA LARIAN DAN BALINGAN



UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH



PEMENANG PINGAT DALAM 23RD ASIA MASTERS ATHLETICS CHAMPIONSHIPS - INDIA 2025



PEMENANG 6 PINGAT EMAS dalam 23RD AMAC

JULIANA GUMPIL

ERINE SINUEL



PENYERTAAN 15 THN BERTURUT-TURUT: G. SURESH KUMAR



Click Here For Informations : MMAA.ORG.MY

Welcome TO 38TH MALAYSIA INTERNATIONAL OPEN ATHLETICS CHAMPIONSHIPS 2026
WHERE EXPERIENCE MEETS EXCELLENCE

RUNNING RACEWALKING THROWING HIGH JUMP LONG JUMP

All are welcome for supporting **MASTERS ATHLETE'S!**

DATE: 5 - 7 June 2026
VENUE: UPM Stadium, Serdang Selangor

Postcard By @SURESHKUMAR

MOTIVATION. INSPIRATION. MASTERS.

"It's not about how fast you were, it's about how far you still want to go."
"Age is just a number. Passion is timeless. Performance is forever."
"We don't stop because we grow old, we grow old because we stop."
"Stronger today, inspiring forever. Masters Athletics - living proof that champions never retire."

MASTERS ATHLETICS - COMPETE. INSPIRE. TRANSFORM. ONE SPIRIT. ONE COMMUNITY. ONE CHAMPIONSHIP. TOGETHER!

Let's celebrate strength, friendship, and the indomitable spirit of Masters Athletics!
Organised by: MALAYSIAN MASTERS ATHLETIC ASSOCIATION (MMAA)

PEMENANG HADIAH CABUTAN BERTUAH – ‘NOSE PIN’ EMAS



PASUKAN MALDIVES



AJK PENGELOLA

